

Jawatankuasa fatwa pantau pelaksanaan GST ikut syariat Islam
The Malaysian Insider
April 21, 2015

Pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) akan dipantau Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi memastikan ia mematuhi syariat Islam, kata pengerusinya, Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin.

Shukor berkata pemantauan tersebut akan dilakukan dalam tempoh bersesuaian sebelum pandangan baharu mengenai GST dikeluarkan.

"Insya Allah, kita akan lihat perkara ini dari semasa ke semasa. Janganlah baru sebulan kita sudah mahu nilai kerana ini tugas besar. Kita kena beri peluang dahulu, mungkin setahun untuk lihat apa hasil, faedah dan keburukan GST.

"Kita ada satu jawatankuasa yang dilantik oleh perdana menteri iaitu Jawatankuasa Tadbir Urus Indeks Syariah dan ini (pelaksanaan GST) termasuk perkara yang boleh dipantau oleh jawatankuasa itu," katanya seperti dilaporkan akhbar Sinar Harian.

Semalam, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan menegaskan sekali lagi pelaksanaan GST adalah "harus" selagi terdapat keperluan dan masalah untuk negara dan rakyat.

Katanya, pelaksanaan sistem cukai baharu itu perlu berpandukan kepada enam parameter syarak yang digariskan jawatankuasa tersebut.

Antaranya, kata beliau, kerajaan komited tujuan kutipan adalah untuk melaksana dan meningkatkan syariat Islam.

Ia juga harus bersandarkan syarat kerajaan memerlukan sumber kewangan untuk pembangunan umum seperti membina jalan raya, membantu orang miskin atau membina hospital.

Cukai yang dikutip hendaklah juga hanya untuk memenuhi masalah dharuriyat dan hajiyat, iaitu memenuhi tanggungjawab sosial dan kepentingan rakyat dan negara, kata Shukor pada sidang media selepas mesyuarat Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan di Putrajaya semalam.

Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Zulkifli Mohamad minggu lalu menyarankan kepada kerajaan untuk mempertimbangkan beberapa perkara agar kegusaran dan kegelisahan mengenai GST di kalangan masyarakat dapat dihindarkan.

Katanya, kadar 6% hendaklah dikurangkan mengikut kemunasabahan dan kemampuan rakyat kebanyakan pada masa kini.

"Masyarakat Islam yang membayar zakat tidak lagi dikenakan GST atau satu mekanisma khusus diwujudkan agar tidak berlaku dua kali pembayaran sehingga terbeban umat Islam itu sendiri.

"Mekanisma dan cara pungutan dan pengagihan perlu selamat daripada sebarang unsur penindasan dan orang-orang miskin dikecualikan daripada dibebani dengan cukai," katanya seperti disiarkan dalam laman sesawang rasmi Mufti Wilayah Persekutuan. – 21 April, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/jawatankuasa-fatwa-pantau-pelaksanaan-gst-ikut-syariat-islam>